



KEMENTERIAN PENDIDIKAN-TINGGI



UTeM

اوتيمرسيتي تكنولوجيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Anugerah*  
**AKADEMIK  
UNIVERSITI**  
**2015**

30 Mac 2016 | Swiss-Garden Hotel & Residences Melaka



62.6  
58  
16  
a



PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

INGATAN TULUS IKHLAS

SUMBANGAN

UTeM

BOOK DONATION CAMPAIGN 2021

TEL : 06-270 1000 FAKS 06-

<http://library.utem.edu.my>

اونيورسيتي تيم  
يا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LB1062.6 .A58 2016

87510438/101



87510438

*Anugerah*  
**AKADEMIK  
UNIVERSITI**  
اويونرسيتي 2015 كل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Cetakan Pertama 2016  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Penaung  
Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib

Pengerusi Bersama  
Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad  
Y.Bhg. Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Penasihat  
Y.Bhg. Profesor Dr. Ahmad Zaki bin A Bakar

Ketua Editor  
Profesor Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon

Editor  
Ruziah binti Ali  
Junaidah binti Kasim  
Norihan binti Abu Nawar

Pembaca Pruf  
Mohd Erwan bin Md Yusop  
Nur Syaqqirin binti Rasid

Rekabentuk Grafik  
Aziza binti Md Buang  
Khairul Fakhruiradhi bin Borhan

PERPUSTAKAAN Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Aksesan 87510438	No. Panggilan 1062.6 .Δ58 2016 a
Tarikh 04 MAY 2021	

100521

Diterbit dan dicetak oleh :

Penerbit Universiti, Kampus Bandar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Blok B, Tingkat 1, Jalan Hang Tuah  
75300 Melaka, Malaysia

Tel : 06.283 3346 | Faks : 06.283 3019

## Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

## Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
  - Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
  - Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.



# *Kata Mu-Ahuan*

**NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahiwabarokatu, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat menganjurkan Anugerah Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AAU) bagi tahun 2015. Anugerah berprestij ini merupakan program tahunan Universiti yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada ahli-ahli akademik yang telah mencapai kejayaan cemerlang di dalam pelbagai bidang antaranya akademik, penyelidikan, penerbitan, pengkomersilan dan lain-lain lagi.

Landskap pendidikan tinggi di seluruh dunia pada hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran besar. Universiti sebagai institusi pendidikan yang penting, dituntut untuk memenuhi kehendak dan keperluan sezaman khususnya dalam soal melahirkan insan berkualiti dan berketerampilan tinggi selain meletakkan usaha berterusan dalam penjanaaan ilmu demi kepentingan manusiawi. Penekanan terhadap perkara ini dinyatakan dengan lebih jelas oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang menggariskan beberapa lonjakan penting yang mampu meningkatkan lagi keupayaan sistem pendidikan di negara ini untuk lebih berdaya saing seiring trend global.

Melahirkan graduan yang mampu menguasai ilmu dan nilai-nilai murni bukan sesuatu perkara yang mudah. Graduan perlu didedahkan kepada ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran tersebut, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Bagi merealisasikan hasrat ini, peranan ahli akademik perlulah diperluas dan dipertingkatkan. Ahli akademik yang berkualiti bukan sahaja mampu memberikan ilmu, malah berupaya mencerna pemikiran yang tepat dan bijaksana yang menjadi suluhan hidup kepada mahasiswa. Lebih dari itu, ahli akademi yang cemerlang sentiasa bersemangat dalam meneruskan usaha-usaha penerokaan ilmu-ilmu baharu melalui penyelidikan selain terlibat secara langsung memberi sumbangan kepada masyarakat.

Di atas kegigihan dan usaha berterusan yang ditunjukkan oleh ahli akademik dalam membangunkan insan dan bakat yang seimbang serta melonjakkan kecemerlangan UTeM, maka sewajarnya pengiktirafan harus diberikan. Justeru, menerusi sepuluh (10) kategori Anugerah Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka, ianya mampu menjadi pemangkin untuk meneruskan lagi kecemerlangan ahli akademik di peringkat Universiti seterusnya Negara. Tradisi penghargaan ini secara tidak langsung dapat menyokong usaha universiti dalam membentuk dan membudayakan ekosistem akademik agar lebih segar dan dinamik.

Saya percaya dengan kebijaksanaan dan pengalaman ahli akademik di UTeM yang berjaya dinobatkan sebagai penerima anugerah pada tahun ini akan memberikan inspirasi serta menjadi aspirasi bagi membawa Universiti terus maju ke hadapan. Sekalung tahniah diucapkan kepada para penerima anugerah dan syabas kepada semua jawatankuasa yang terlibat diatas komitmen tinggi terutama di dalam mengendalikan proses pemilihan penerima anugerah pada tahun ini.

Sekian. Terima kasih

**Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



# Atur Cara Majlis

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2015  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

30 MAC 2016 | RABU | HIBISCUS ROOM, SWISS-GARDEN RESIDENCES MELAKA

- 8.00 malam : Ketibaan Para Tetamu & Jemputan  
8.10 malam : Ketibaan Tetamu Kehormat  
8.15 malam : Ketibaan YBhg. Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib  
Naib Canselor UTeM  
8.20 malam : Ketibaan YB. Datuk Wira Hj. Md Yunus bin Husin  
EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi,  
Teknologi Hijau dan Inovasi  
8.25 malam : Ketibaan YBhg. Dato' Prof. Dr. Asma binti Ismail  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
8.30 malam : Ketibaan Y.Bhg. Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UTeM  
: *Lagu Negaraku*  
: *Lagu Melaka Maju Jaya*  
: *Lagu UTeM Terbilang*  
Bacaan Doa  
Ucapan Aluan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib,  
Naib Canselor UTeM  
Ucapan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Asma binti Ismail  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Makan Malam  
Persembahan Multimedia  
Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2015
- Anugerah Pengajaran
  - Anugerah Penerbitan Buku
    - Bidang Sains dan Teknologi
    - Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial
  - Anugerah Penyelidikan
  - Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk
  - Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
  - Anugerah Kualiti Makalah Jurnal
  - Anugerah Khas Kumpulan
  - Anugerah Inovasi e-Pembelajaran
  - Anugerah Akademik Harapan
  - Anugerah Tokoh Akademik
- 11.00 malam : Pengerusi Lembaga Pengarah meninggalkan majlis  
: Jemputan meninggalkan majlis



# *Anugerah Akademik Universiti*

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan ahli akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu aspirasi untuk staf akademik universiti meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama Universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Langkah ini adalah selaras dengan teras ke empat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu "Memperkasakan IPT" dengan objektifnya untuk mencapai peningkatan budaya profesionalisme ahli akademik. Inisiatif ini selaras dengan usaha melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui lonjakan 2 iaitu Kecemerlangan Bakat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Anugerah Tokoh Akademik

Calon yang menerima Anugerah Tokoh Akademik UTeM merupakan seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu serta memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia.

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Calon hendaklah telah berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **lima (5)** tahun dalam kerjaya akademik serta telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti.

Calon juga hendaklah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui serta membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Pemberian Anugerah adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

\*Tiada Penerima

# Anugerah Akademik Harapan

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjana kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Penerima anugerah hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

Calon mesti berumur di bawah **35 tahun pada 1 Januari 2016** dan berkhidmat sebagai ahli akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun secara kumulatif**. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui, menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

## Kriteria Penilaian:

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
- Perundingan
- Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

## Calon-calon:

- i. Dr. Massila binti Kamalrudin
- ii. Encik Hazriq Izzuan bin Jaafar
- iii. Encik Mohd Azli bin Salim
- iv. Dr. Mohd Yuhazri bin Yaakob
- v. Encik Vigneswara Rao A/L Gannapathy
- vi. Dr. Juhaini binti Jabar



**DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai seorang Tutor dan lantikan pensyarah pada tahun 2006 dan pensyarah kanan pada tahun 2011 sehingga kini. Beliau telah menamatkan pengajian Peringkat Doktor Falsafah dalam Bidang Elektrik dan Elektronik dari Auckland Universiti, New Zealand. Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat dengan aktiviti pengajaran di peringkat Ijazah di bawah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Antara subjek yang diajar terdiri daripada Kejuruteraan Perisian, Pengurusan Projek Perisian, Validasi dan Verifikasi Perisian, Pengaturcaraan Komputer, Teknologi Maklumat Pembuatan serta beberapa subjek lain yang telah ditetapkan oleh pengurusan fakulti. Di peringkat pasca siswazah, beliau juga menyumbang kepakaran akademik dengan mengajar subjek *Technology Forecast*, *Pencungkil Keperluan* dan *Requirement Elicitation*, sebagai keperluan Program Master of Business Administration (MBA) di UTeM.

Selain itu, beliau juga terlibat dengan aktiviti penyeliaan pelajar latihan industri seramai 12 pelajar dan penyeliaan bagi mata pelajaran Projek Diploma & Ijazah Sarjana Muda di FTMK. Beliau menyelia 5 pelajar Sarjana sebagai penyelia utama. Malah, di peringkat Doktor Falsafah beliau mempunyai 3 pelajar di bawah penyeliaan beliau dan 3 penyeliaan bersama.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Beliau turut aktif dalam penulisan dan telah menerbitkan 13 hasil penulisannya dalam jurnal berindeks terdiri dari Journal: Science International Lahore, International Journals of Computer dan *WSEAS Journal of Transactions on Information Science and Applications*. Di samping itu, beliau turut terlibat dalam penghasilan 8 prosiding yang mana penglibatan beliau adalah sebagai penulis utama. Selain itu, beliau juga dipertanggungjawabkan sebagai Ketua Editor Buletin RICE@UTeM.

## PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

Beliau mendapat pembiayaan penyelidikan dari geran FRGS, ERGS, SCIENCEFUND dan PJP sama ada ianya melibatkan peranan sebagai Ketua Projek atau Penyelidik Bersama. Pencapaian beliau dalam aspek penyelidikan terserlah dengan geran luar negara dan universiti tempatan yang diperolehi dari Research Management Centre IIUM dan Fulgent Corporation USA. Malah, keterlibatan dalam penyelidikan turut menyumbang kepada projek kerjasama Kajian Bersepadu RTC Malaysia (Pusat Transformasi Luar Bandar), Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 dengan nilai geran sebanyak RM395,000.00 (Penyelidik bersama).

Inovasi beliau melalui produk *ORDER SAYA: APPLICATION FOR FOOD ORDERING* telah berjaya dibangunkan dan mendapat hak cipta. Terdapat juga beberapa produk yang telah diberikan hak cipta seperti *SECMEREQ: A Tool Support to Capture Security*, *TEST MEREQ: An Automated Requirements Validation Tool* serta *Maternal Health Care Mobile Application (MAMA)*.

Beliau mempunyai 11 Hak Cipta, 1 Tanda Dagangan dan 1 produk bersama industri.

## SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Selain itu, beliau juga mengetuai hubungan kerjasama Universiti Industri melalui Memorandum Persefahaman (MOU) di antara UTeM dan IBM Malaysia Sdn. Bhd dalam tempoh 3 tahun. Beliau juga merupakan Penyelaras (Pusat Kecemerlangan—COE), Centre for Advanced Computing Technology (C-ACT) dan Penyelaras bagi Program *Master by Course*. Beliau aktif bergiat dalam bidang penulisan di peringkat fakulti dan pengajian siswazah. Penglibatan sebagai penganjur dan jawatankuasa kolokium serta seminar turut menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan seminar bulanan di fakulti.

Kepakaran beliau telah dihargai oleh Universiti dan pernah merangkul Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2013. Beliau pernah dianugerahkan sijil Emas bagi Inovasi iaitu *TestMReq*. Penglibatan beliau juga dapat dilihat melalui penyertaan dan penganjuran ekspso dan simposium yang dianjurkan seperti *MINI UTeMEX*, *IEEE Symposium on Visual Languages and Human Centric (Melbourne)* dan *ISoRIS*.

Kepakaran beliau amat bermakna dan sering mendapat jemputan sebagai pakar rujuk, panel penilai permohonan geran, penceramah, ahli jawatankuasa penganjuran persidangan malah beliau pernah dijemput ke beberapa university terkenal seperti University of Technology Australia, Auckland Institute of Studies, University of Texas (San Antonio), Nanzan University (Japan), Swinburne University of Technology, Australian National University untuk berkongsi kepakaran dan aktiviti penyelidikan beliau.

Sumbangan beliau tidak terhad pada Universiti dalam usaha merakyatkan pendidikan. Beliau juga berperanan sebagai Fasilitator bagi Program Pengenalan ICT bersama Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah, Program Aplikasi Google Doc kepada pelajar sekolah dan program kemahiran belajar untuk pelajar darjah 6 serta terlibat dalam program Bantuan Pengisian *UPU Online* bagi program khidmat masyarakat.



**ENCIK HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR**  
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Beliau telah diberikan tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Pengajian Diploma pada tahun 2015 bagi tempoh 2 tahun. Penglibatan aktif dalam aktiviti pengajaran dengan beberapa subjek seperti Elektronik Kuasa Dalam Industri, Kecekapan Tenaga, Amalan Kejuruteraan, Fizik, Kejuruteraan Sistem Kawalan, Elektronik Digid dan beberapa subjek lagi.

Dari segi penyeliaan, beliau terlibat secara aktif dalam menyelia pelajar Latihan Industri seramai 20 pelajar. Selain itu, beliau juga terlibat dengan Projek Tahun Akhir Diploma seramai 13 pelajar sehingga tahun 2015. Penglibatan beliau juga dapat dilihat dalam penyeliaan Projek Sarjana Muda, iaitu seramai 12 pelajar bermula dari tahun 2014 hingga 2015 manakala penyeliaan secara bersama bagi calon Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik adalah seramai 2 pelajar.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Dari aspek penulisan, beliau telah menyumbang 11 artikel penulisan beliau dalam Jurnal Berindeks manakala 31 artikel adalah hasil penulisan bersama. Penulisan beliau antaranya boleh didapati dalam *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, *International Journal of Engineering and Technology* dan *International Journal of Computing and Engineering*. Beliau juga aktif dalam menulis prosiding, sepanjang perkhidmatan beliau sejumlah 7 prosiding penulis utama telah dihasilkan dan 25 prosiding dihasilkan secara bersama.

Di samping itu, beliau juga aktif dalam penulisan modul pengajaran di peringkat fakulti sebagai contoh Fundamental Circuit Theory 2 (Module 15). Beliau juga menerbitkan *U-Learn* untuk 7 subjek, antaranya Makmal Asas Elektrik & Elektronik, Automation, Kejuruteraan Sistem Kawalan, *Digital Electronics* dan *Analogue Electronic I & II*.

Beliau juga dilantik sebagai Editorial Board bagi Jurnal Teknologi – *Special Edition* bagi *5th International Conference on Underwater System Technology – USYS'14* oleh Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2015.

## **PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN**

Beliau terlibat sebagai Ketua Projek bagi 2 Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Geran Penyelidikan "Demand-Driven Innovation Project By Public-Private Research Network (PPRN). Beliau juga terlibat dalam 4 projek FRGS sebagai penyelidik bersama dan 2 bagi projek di bawah Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS). Penglibatan beliau juga aktif di peringkat Penyelidikan Jangka Pendek dengan 4 projek, satu yang di ketuai oleh beliau sendiri manakala 3 projek sebagai penyelidik bersama.

## **SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT**

Sepanjang perkhidmatan beliau di UTeM, beliau telah memberikan sumbangan kepada pembangunan Fakulti. Beliau merupakan Penyelaras Bengkel Semester Khas, Pengajar bagi Program *Intervensi Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*, Ketua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Pemerhati Konvensyen KIK, Petugas sempena Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej-Kolej Matrikulasi. Beliau juga pernah dilantik sebagai Panel Penilai Pertandingan "*Innovation & Technology (INOTEK 2015)*", Panel *1st Tinker Innovation and Entrepreneurship Challenge (T.I.E.C)*, Pengawas bagi Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan dan khidmat kepakaran bagi menganjurkan pertandingan Space Robotik Karnival Falak.

Beliau juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Antaranya *Gold Award (International Innovation and Design Expo)*, *Gold prize (International Engineering Invention & Innovation Exhibition)*, Anugerah Emas (Expo Penyelidikan dan Inovasi), *Silver Prize (Seoul International Invention Fair)*, Silver (PECIPTA) dan banyak lagi anugerah penyelidikan dan penghargaan hasil sumbangan beliau.



**ENCIK MOHD AZLI BIN SALIM**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Beliau dilantik sebagai Pensyarah pada 2009, sehingga kini, antara subjek-subjek yang telah diajar adalah Mekanik Pepejal II, Pengukuran dan Instrumentasi, Getaran Mekanikal, Kejuruteraan Kawalan serta amali di Makmal Automotif I, Makmal Rekabentuk dan Inovasi 1 dan Makmal Termo Bendalir 3. Beliau juga menyelia seramai 14 pelajar Latihan Industri dan 15 pelajar PSM. Selain itu, beliau juga adalah Penasihat Akademik kepada 5 pelajar bagi tahun 2015.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Dari segi penulisan dan penerbitan, jumlah jurnal dan prosiding yang pernah diterbitkan adalah sebanyak 83 artikel. 26 artikel jurnal berindeks yang dihasilkan adalah penulis utama dan 11 jurnal secara bersama. Manakala penulisan prosiding adalah sebanyak 35 dengan 19 prosiding penulis utama. Sebanyak 10 makalah telah dihasilkan dan satu makalah secara bersama.

Di peringkat Universiti, beliau juga menerbitkan U-Learn untuk 3 subjek iaitu Amalan Kejuruteraan: Instrumentation and Matlab, Measurement and Instrumentation dan Control Engineering. Beliau juga terlibat dalam menghasilkan Buletin FKM dan Jurnal of Mechanical Engineering and Technology.

### **PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN**

Beliau terlibat sebagai ahli untuk 2 Geran Jangka Panjang yang berjaya diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu ERGS dan juga RAGS.



Beliau juga mempunyai 1 Geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) dimana 3 daripadanya adalah sebagai Ketua Penyelidik dan bakinya sebanyak 13 geran adalah sebagai penyelidik bersama.

Sebagai penyelidik, pencapaian beliau dalam bidang inovasi juga menyerlah dengan 11 Hak Cipta yang ada.

### **SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT**

Bagi sumbangan kepada universiti, beliau pernah dilantik sebagai Penyelaras bermula daripada 2009 hingga 2011 untuk 3 subjek di Fakulti. Selain itu, beliau juga aktif didalam menganggotai beberapa jawatankuasa diperingkat fakulti dan universiti antaranya Jawatankuasa Kecil Terbitan Jurnal MTUN, Jawatankuasa Sekretariat Pasukan 1UTeM Robocon 2012, Jawatankuasa Penganjur Hari Penyelidikan FKM 2011, Jawatankuasa Program Minggu Reka Bentuk dan sebagainya. Disamping itu, beliau juga pernah dijemput untuk menjadi Penilai, Juri, Pempamer Produk Penyelidikan mahupun Penceramah untuk program-program yang dikelolakan oleh sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka.

Sepanjang perkhidmatan di universiti, beliau merupakan salah seorang pemenang Anugerah Akademik Universiti tahun 2010 bagi kategori Anugerah Penerbitan Jurnal dan pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2009. Beliau juga giat dalam menyertai pertandingan inovasi diperingkat kebangsaan seperti Malaysia Technology Expo 2015 dengan memenangi pingat perak dan gangsa dan Sijl Emas semasa berlangsungnya Innovative Practices in Higher Education Expo 2015. Diperingkat universiti, beliau turut menyertai UTeMEX 2015 dan memenangi pingat emas bagi dua projek beliau iaitu Cecair Getah Asli Berbilang Aras Fasa dan *Eco-Friendly Human-Powered Recreational Vehicle*.

Beliau juga terlibat sebagai panel penilai antarabangsa bagi *African Journal of Agricultural Research*, *Indonesian Journal of Electrical Engineering* dan *World Applied Science Journal* serta *National Conference on Active Learning 2011* untuk peringkat kebangsaan.



**DR. MOHD YUHAZRI BIN YAAKOB**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN**

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Dr. Mohd Yuhazri Bin Yaakob telah berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM selama 8 tahun di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Beliau yang mula berkhidmat pada 2008 merupakan ahli akademik yang aktif dan mempunyai keahlian dalam beberapa badan akademik & profesional seperti *Institute of Engineering & Management (IEM)*, *Malaysian Engineering Educational Society (SEM)* dan *Malaysian Invention and Design Society (MINDS)*. Beliau mempunyai semangat tinggi sebagai seorang pendidik. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah terlibat dengan aktiviti pengajaran dengan subjek seperti Amalan Kejuruteraan, Terma Bendalir, Kekuatan Bahan, Pemindahan Haba, Jurutera dalam Masyarakat dan Grafik Kejuruteraan dan Rekabentuk Berbantu Komputer. Kegigihan dan kesungguhan beliau mengajar menjadikan penilaian tahunan pelajar ke atas beliau sentiasa berada pada tahap yang baik dan membanggakan.

Sepanjang perkhidmatan Dr. Yuhazri, beliau telah menyelia hampir 39 Projek Sarjana Muda (PSM) dari tahun 2009 hingga 2015. Di peringkat Sarjana beliau mempunyai hampir 12 pelajar pada tahun lalu yang diselia dalam pelbagai mod program pengajian. Beliau turut mempunyai 4 pelajar PhD dengan 2 daripada pelajar tersebut adalah melibatkan beliau sebagai penyelia utama. Beliau juga mempunyai seramai 27 pelajar yang diletakkan sebagai Penasihat Akademik.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Penulisan dan penerbitan dengan dunia akademik adalah seiring. Hal ini dapat dilihat dengan beberapa pencapaian aktif beliau terutama dalam penulisan Makalah. Sejumlah 11 makalah terkumpul telah dihasilkan oleh beliau. Malah, Penulisan Jurnal Berindeks yang telah dihasilkan juga mencecah 10 Jurnal sebagai penulis utama manakala 3 Jurnal Berindeks adalah berstatus penulis bersama. Sebanyak 30 prosiding penulis utama telah diterbitkan dan 34 prosiding penulis bersama telah pun diperolehi sebagai sebahagian daripada pencapaian beliau dalam bidang penerbitan.

## **PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN**

Kesungguhan beliau turut terserlah dalam dunia penyelidikan. Beliau merupakan ketua projek atau ahli kepada 3 projek penyelidikan tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) manakala 12 projek lagi sebagai ahli. Di samping penyelidikan di peringkat agensi luar dan antarabangsa, beliau juga menyumbang kepada penyelidikan di UTeM secara aktif dengan 3 projek penyelidikan sebagai ketua dan hampir 17 projek lain sebagai ahli.

Daripada segi inovasi, beliau mempunyai 1 produk yang telah menerima status paten dan 2 produk yang telah difailkan paten serta 1 hak cipta.

Sepanjang berkecimpung dalam dunia penyelidikan, beliau telah dianugerahkan 2 pingat emas dengan pencapaian di peringkat antarabangsa yang diperoleh ketika mengikuti *British Innovation & Technology Show* pada tahun 2011, di London dan satu pingat emas diperoleh semasa *The Invention & New Product 2008* di Pittsburgh, USA. Pencapaian aktif beliau juga dapat dilihat dalam UTeMEX di UTeM dan beberapa pertandingan lain di German, Korea dan Belgium.

## **SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT**

Sumbangan Dr. Yuhazri di atas kepakaran beliau dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan turut diberikan kepada universiti dan masyarakat. Beliau sering menjadi pakar rujuk yang sering dijemput sebagai panel jemputan, pemeriksa luar tesis, juri serta penilai bagi penerbitan jurnal kejuruteraan seperti *Jurnal Teknologi*, *Journal of Advanced Manufacturing Technology*, *Journal of Engineering Science and Technology* serta *Journal Advanced Manufacturing Technology*.

Malah, di peringkat komuniti beliau juga aktif dalam program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan UTeM sendiri seperti Himpunan Barisan 1 Malaysia, Program Beautiful Malaysia, Bakti Siswa dan Misi Bantuan Bencana Alam UTeM.

Minat beliau kepada aktiviti alam semula jadi sering diterjemahkan secara aktif melalui Badan Kebajikan Staf UTeM. Beliau sering mengikuti ekspedisi cabaran fizikal dan mental yang dianjurkan sebagai urus setia dan peserta.



**ENCIK VIGNESWARA RAO A/L GANNAPATHY**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER**

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Encik Vigneswara merupakan Pensyarah Kanan yang telah berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer. Beliau telah berkhidmat di UTeM dalam tempoh enam tahun sebagai ahli akademik. Merupakan Alumni UTeM yang memiliki Sarjana Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektronik. Sepanjang perkhidmatan beliau di fakulti, beberapa subjek telah dipentanggungjawabkan seperti Sistem & Rangkaian Komputer, Makmal Kejuruteraan Elektronik 2, Computer Organization and Architectures, Asas Elektronik & Mikropemproses, Prinsip Elektrik & Elektronik, Amalan Kejuruteraan, Computer Programming serta Advanced TCP.

Beliau juga aktif menyelia para pelajar yang terlibat dalam latihan industri mahupun penyelidikan. Sepanjang tahun 2012 hingga kini, seramai 42 pelajar telah diselia oleh beliau di peringkat latihan industri manakala diperingkat Diploma seramai 5 pelajar. Bagi penyeliaan diperingkat Projek Sarjana Muda (PSM) seramai 23 pelajar telah diletakkan dibawah pengawasan beliau manakala seramai 5 pelajar sebagai penyelia bersama. Bagi program pengajian diperingkat Sarjana, beliau menyelia seorang pelajar secara bersama.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Beliau juga aktif menulis artikel untuk terbitan Jurnal. Sebanyak 5 artikel telah diterbitkan dan beliau merupakan penulis utama manakala lebih dari 7 jurnal sebagai penulis bersama. Penulisan prosiding juga merupakan minat beliau dalam memperkasakan penulisan. Sebanyak 4 artikel telah ditulis sebagai penulis utama manakala 4 sebagai penulis bersama.

Beliau juga berperanan dalam mengaktifkan penulisan Berita UTeM, artikel dalam Berita Harian dan modul dalam U-Learn.

## **PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN**

Sebagai ahli akademik, beliau tidak boleh lari dari aktiviti penyelidikan. Sepanjang tahun perkhidmatan beliau, 3 Projek penyelidikan telah diketuai oleh beliau terdiri daripada RAGS, ERGS dan MTUN. Beliau juga merupakan ahli kepada 6 projek lain.

Di peringkat antarabangsa terdapat 3 projek beliau sebagai ketua dan 9 projek lain sebagai ahli.

Hasil dari setiap projek penyelidikan tersebut, beliau mempunyai 4 fail paten dan 1 hak cipta. Di peringkat pengkomersilan, beliau mempunyai 1 Spin off Company.

Sepanjang perkhidmatan beliau sangat aktif dalam inovasi, 10 hasil rekaan inovasi telah berjaya mendapat Anugerah Emas di peringkat Antarabangsa, antaranya *Mobile-Based Fall Incidents Alerts System MobiFALL*, *An Intelligent Fire Exit Route System for Fast Emergency Evacuation in the Building* dan *e-FireXIT: A Smart Route Decision Making System to Emergency Exit*. Pelbagai anugerah diperingkat Kebangsaan dan UTeM turut diperolehi sama ada pertandingan tersebut diadakan diperingkat antarabangsa mahupun negeri.

## **SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT**

Sumbangan beliau kepada kerajaan Negeri Melaka dapat dilihat apabila kepakaran beliau dirujuk dalam beberapa projek seperti Pemasangan Sistem Pemantauan Tangki Air (Telemetry) di Wisma Persekutuan dan Projek Pemasangan Sistem Pemantauan Tangki Air (Telemetry) di Seri Negeri.

Beliau juga aktif dalam jaringan industri melalui beberapa jalinan MoU bersama MIMOS Berhad, PERNEC dan Kerajaan Negeri Melaka.

Beliau juga pernah dilantik sebagai pelatih Tenaga Pengajar "*Teacher Empowerment Programme*" (TEP) Zon Melaka dan Selatan Tengah dan sebagai Tenaga Pengajar Program *Maker Bank* (Kajian Rintis).

Beliau juga sering terlibat menjadi hakim bagi *National Science Fair for Young Children*, Panel Penilai Inotek dan Juri Pertandingan Inovasi diperingkat Politeknik. Penglibatan beliau dalam misi kemanusiaan seperti Misi Bantuan Bencana Alam UTeM dan *Volunteer Induction Programme* (Southern) serta beberapa persatuan turut menarik minat beliau.



**DR. JUHAINI BINTI JABAR**  
**FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOKEUSAHAWANAN**

### **PENGAJARAN & PENYELIAAN**

Dr. Juhaini merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknokeusahawan (FPTT). Beliau berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Perniagaan & Pengurusan, University of South Australia. Telah berkecimpung dalam bidang akademik lebih dari 10 tahun, disamping menjawat jawatan pengurusan seperti Timbalan Dekan (Akademik), Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian) serta jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Pembangunan Keusahawanan (PPK).

Sepanjang perkhidmatan di UTeM, beliau telah terlibat dengan pengajaran beberapa subjek penting di fakulti seperti Pembangunan dan Pengkomersilan Produk Baru, Pemindahan Teknologi, Strategi Pengurusan Inovasi, Perakaunan dan Kewangan Perniagaan. Beliau juga aktif dalam program amalan kejuruteraan FPTT dan terlibat menyelaraskan subjek *Entrepreneurship*.

Selain itu, di peringkat penyeliaan beliau mempunyai seramai 18 pelajar bagi Projek Sarjana Muda. Di peringkat Sarjana, beliau mempunyai seramai 13 calon Sarjana dibawah seliaan beliau, 3 dari pelajar sarjana adalah secara bersama dan 6 dari pelajar sarjana adalah dari program MBA. Penyeliaan peringkat Doktor Falsafah, beliau mempunyai pelajar PhD seramai 7 pelajar dengan 4 adalah secara penyelia bersama.

### **PENULISAN DAN PENERBITAN**

Dari segi penulisan dan penerbitan, beliau telah menghasilkan penulisan berjudul *Technology Transfer in Bussiness, Strategic Approach to Developing Nation (2012)* yang telah diterbitkan oleh Penerbit UTeM.

Dr. Juhaini juga telah menerbitkan dua jurnal berindeks sebagai penulis utama yang diterbitkan dalam *Journal of Manufacturing Technology Management* dan *Asian Social Science*. Sementara 3 jurnal berindeks ditulis secara bersama dan dua jurnal tidak berindeks telah dihasilkan merupakan penulis utama. Jumlah jurnal tidak berindeks beliau yang dihasilkan secara bersama adalah 13 artikel manakala 20 artikel dalam prosiding telah diterbitkan.

Beberapa penulisan beliau juga pernah terpilih sebagai kertas terbaik di beberapa persidangan sama ada di Singapura dan Malaysia.

## **PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN**

Beliau merupakan ketua projek bagi dua Geran Penyelidikan FRGS bertajuk "*Capability Building Among Malaysian Manufacturers Towards Achieving Malaysia's New Economic Model*" dengan geran sebanyak RM50,000 dan Projek *Modeling a Dynamic Operations Framework to revitalize the SME Food Manufacturers* (RM58,000).

Enam projek penyelidikan lain dijalankan secara bersama dengan geran yang diperolehi dari CoE-MTUN dan RAGS. Isu-isu kajian berkait dengan perkembangan ekonomi, impak sosial, *future university-industry collaboration*, keusahawanan dan pelancongan. Beliau juga menerima geran Penyelidikan Jangka Pendek dengan enam projek, di mana dua projek diketuai oleh beliau sendiri.

## **SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT**

Dr. Juhaini merupakan ahli akademik yang aktif. Sepanjang beliau dilantik ke jawatan pengurusan, pelbagai bentuk sumbangan kepada Universiti dan Fakulti telah dilaksanakan. Kesibukan tersebut tidak menghalang penglibatan beliau dalam pelbagai jawatankuasa dan organisasi.

Beliau memilih untuk aktif dalam penganjuran aktiviti persidangan, seminar dan sering dilantik sebagai penilai bagi kertas persidangan atau kertas penyelidikan. Beliau juga aktif dalam penganjuran acara seperti Konvokesyen Universiti, Majlis Anugerah Akademik Universiti dan sebagainya. Peranan aktif ini menyebabkan banyak penganjuran persidangan memilih beliau sebagai ahli jawatankuasa. Sebagai contoh, beliau pernah dilantik sebagai Penyelaras "International Conference on Technology Management and Technopreneurship" (2013), AJK Seminar Pengkomersilan Produk Penyelidikan dan AJK Penerbitan Jurnal.

Malahan, kepakaran dalam bidang perniagaan menyebabkan beliau turut dilantik sebagai Mentor Pertandingan Inovasi Model Perniagaan bersama Badan Amal/NGO.

# Anugerah Pengajaran

Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Penilaian calon bagi Anugerah Pengajaran adalah berdasarkan kepada elemen INOVASI dan KESARJANAAN dalam kriteria berikut :

- Falsafah pengajaran
- Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran
- Persediaan pengajaran
- Kaedah pengajaran
- Kaedah penilaian hasil pembelajaran
- Bimbingan dan penyeliaan

Calon perlu mengemukakan portfolio pengajaran, melaksanakan pengajaran mikro (akan dibuat dalam kelas).

\*Tiada Penerima



# Anugerah Penerbitan Buku

Anugerah ini diberikan untuk buku karya asli terbitan ilmiah oleh Penerbit UTeM ATAU anggota MAPIM pada tahun 2015.

Buku ilmiah iaitu karya asli atau monograf cetakan edisi pertama dan tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual.

Karya ilmiah meliputi buku yang dihasilkan berasaskan penyelidikan dan kajian yang distrukturkan mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan Ilmiah.

Mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, khususnya Subseksyen 11(1) dan mana-mana akta yang berkaitan.


Setiap karya yang dicalonkan mesti mematuhi gaya penerbitan masing-masing secara tekal (Konsisten) mengikut gaya Penerbitan Ilmiah UTeM atau Ahli MAPIM.

Kriteria Penilaian :

Isi kandungan; Impak ilmiah; Gagasan; Anatomi dan reka bentuk buku

Calon-calonnya:

- i. Dr. Sabrina binti Ahmad
- ii. Y.Bhg. Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
- iii. Dr. Radzuan bin Nordin
- iv. Y.Bhg. Profesor Dr. Hanipah binti Hussin
- v. Y.Bhg. Profesor Dr. Salleh bin Yahya





**DR. SABRINA BT. AHMAD**  
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

## TAJUK BUKU

### SOFTWARE REQUIREMENTS NEGOTIATION : A STITCH IN TIME SAVES NINE

#### SINOPSIS

This book is partially my doctoral thesis to highlight the value of negotiation effort within requirements engineering process. The requirements engineering activities within a software project are critical to the successful production of a correctly functioning system. This is particularly so when considering various views of multiple stakeholders. Therefore, a formal negotiation is a promising approach to improve the outcome of requirements engineering process. It is effective to reveal conflicts among key stakeholders during the initial stage of requirements engineering and seek the way forward to resolve the conflicts.

The position of negotiation within the body of software engineering knowledge is presented. The purpose and strength of negotiation are elaborated to instill an awareness among the software engineering community. On top of that, this book presents the improvement possibly achieved through negotiation which is resolving conflicts and reaching agreements among multiple stakeholders, improving software requirements quality and saving project cost. This book also includes the justifications of quality attributes feasibly achieved and measured at a very early stage of software development process. The metrics and measurement techniques are also presented.

This book is written for practitioners who are looking for alternative ways to perform requirements engineering, for researchers who are exploring better ways of doing things and for academics who are looking for exciting inputs to share with their students.



**Y.BHG. PROFESOR IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD NOR**  
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

**PENGARANG BERSAMA**

DR. NORAIN BINTI ISMAIL (UTeM)  
DR. SAFIAH BINTI SIDEK (UTeM)

**TAJUK BUKU**

**WEALTH CREATION FROM COMMERCIALISATION R&D PRODUCTS :  
REAL LIFE EXPERIENCES OF MALAYSIAN RESEARCHER**

**SINOPSIS**

Wealth Creation from Commercialization of R&D Product: Real Life Experiences from Malaysian Researchers is a collection of personal experiences pursuing research product commercialization. It is all about incredible achievements. It profiles four Malaysian researchers who have attained success venturing into an unfamiliar territory that is, commercialization of research product. They are Professor Dr. Ahmad Fauzi bin Ahmad, Professor Dr. Ku Halim bin Ku Hamid, Professor Dr. Mohd Khazani Abdullah and Professor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor. Many have highlighted the difficulties in commercializing research products, but they strived to formulate winning strategies to overcome all the mistakes, trials and tribulations in research product commercialization. Hence, they are the champions who pave new ways to create wealth from commercializing research products in Malaysia.

